

KRIM UNTUK URUTAN *(Massage Cream)*

Bahan: A. (Untuk Periuk A Bhg. Minyak)

5 g Stearic acid
100 ml Paraffin Oil
5 g Cetyl Alcohol
1g Propyl paraben
10 g GMS (Glyceryl Monostearate)

Bahan: B. (Untuk Periuk A Bhg. Air)

20 ml Glycerine
10 ml Sorbitol
20 ml Triethanolamine (TEOA)
280 ml Air Suling (Distilled Water)
Methyl paraben

Bahan: C.

30 ml Methyl Salicylate ,
15g Menthol Crystals
15ml Eucalyptus Oil
5g Camphor

Cara Membuat:

1. Dalam satu gelas, bancuh Bahan C hingga semua bahan menjadi larut.
2. Panaskan semua bahan di dalam Periuk B, sambil dikacau hingga ke suhu 70° C atau kelihatan mula naik wapnya. Matikan api.
3. Panaskan pula semua bahan dalam Periuk A, sambil dikacau hingga ke suhu 70° C atau sehingga menjadi minyak yang jernih. Kecilkan api.
4. Tuang Bahan C (No.1) ke dalam adunan di Periuk A (No. 3) dan dikacau.
5. Tuangkan separuh adunan dari Periuk B (No. 2) ke dalam adunan di Periuk A dan dikacau dengan laju atau menggunakan pemutar mixer sehingga adunan menjadi putih dan likat.
6. Untuk menguji tahap kepekatan produk yang dihasilkan, ambil adunan sebanyak 1 sudu teh dan tuang ke dalam piring lalu dikacau dengan cepat menggunakan sudu supaya ia sejuk dan pekat. Jika terlalu keras atau pejal, tuang lagi adunan dari Periuk B ke dalam adunan di dalam Periuk A dan terus dikacau laju, sehingga adunan menjadi putih dan likat. (Uji semula adunan sehingga tahap kepejalan krim yang dikehendaki). Jika adunan yang diuji terlalu cair, kacau terus adunan supaya kandungan airnya keluar melalui wap dalam masa yang agak lama, dan terus diuji adunan sehingga mencapai ke tahap kepejalan krim yang dikehendaki.

7. Tuangkan adunan yang sudah likat ke dalam teko stainless steel untuk dituangkan adunan ke dalam bekas-bekasnya dan biarkan ia sejuk sendiri dan menjadi Krim.

Nota:

Bahan:

1. **Paraffin Oil** dikenali juga sebagai White Oil atau dipanggil Mineral Oil jenis pekat. Ia boleh diganti dengan Olive Oil (Minyak Zaiton), Minyak Kelapa Sawit atau Minyak Kelapa, malahan Minyak Kelapa Dara; Minyak Ikan Haruan, Minyak ikan Belut, Minyak Gamat, Minyak Kambing Gurun, Minyak Arnab atau apa-apa Minyak yang dikatakan mengandungi khasiat tertentu jika anda ada. Gandingan minyak-minyak ini juga boleh.
2. **Methyl Salicylate** adalah bahan yang digunakan supaya Krim ini apabila digunakan terasa panas atau pijar. Jika inginkan Krim ini sebagai produk yang lebih kepanasannya, lebihkan penggunaannya, jika inginkan produk kurang kepanasannya, kurangkanlah amaun penggunaannya. Kepanasan Methyl Salicylate ini boleh dipertingkatkan lagi jika ia dimasukkan lagi serbuk *Salicylic Acid powder* mengikut keperluan sendiri. Fungsi bahan ini juga adalah sebagai agen menghilangkan rasa gatal-gatal dan juga pembunuh kuman seperti pada kurap, panau dan juga gatal-gatal di celah jari kaki.
3. **Menthol Crystals** adalah bahan yang digunakan supaya Krim ini apabila digunakan ia terasa kesan sejuk dan berangin. Jika inginkan Krim lebih terasa kesejukan dan beranginnya, lebihkanlah penggunaan bahan ini di dalam adunan.
4. **Eucalyptus Oil** adalah juga dikenali sebagai Minyak Kayu Putih yang mempunyai keharumannya yang tersendiri, jika ingi menghasilkan Krim berbau Minyak Kayu Putih, lebihkanlah amaunnya didalam adunan dan jangan ditambah dengan lain-lain jenis minyak yang mempunyai keharuman yang lain, seperti Pappermint Oil (Minyak Pudina), Citronella Oil (Minyak Serai Wangi), Clove Oil (Minyak Cengkih), Clove Oil (Minyak Buah Pala), Lavender Oil dan lain-lain. Tetapi jika ingin krim mempunyai keharuman khusus iaitu satu haruman saja, gunakanlah hanya satu jenis saja Minyak itu.
5. **Camphor** adalah kapur barus. Ia tidak boleh digunakan melebihi 10% kerana menyalahi undang-undang.
6. **GMS (Glyceryl Monostreate)** ialah bahan pemekat Krim. jika dikurangkan amaunnya, produk akan menjadi losyen. Ini bererti jika anda ingin membuat produk ini sebagai jenis losyen (bukan krim), kurangkanlah penggunaan GMS dalam formula anda.
7. **Prophyl paraben** ialah preservatif untuk bahagian minyak yang digunakan supaya produk tidak berbau tengik.
8. **Methyl paraben** ialah preservatif untuk bahagian air yang digunakan supaya produk tidak berkulat dan busuk dan rosak.

P/s Produk ini juga jika dilebihkan penggunaan *Methyl Salicylate* dan *Menthol Crystals*, ia juga boleh digunakan bagi melegakan kerana gatal digigit oleh nyamuk, serangga dan gatal-gatal lainnya. Ia juga boleh disapu untuk melegakan sakit kepala apabila *Menthol Crystal* dilebihkan.